

Warga tani positif Covid-19 dapat RM500

8/8/2021
Ms: 24

Seramai 60 individu terlibat dalam sektor itu dilaporkan positif Covid-19 setakat ini

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

MEMENPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

Warga tani dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan yang positif Covid-19 akan menerima bantuan RM500 secara *one off*.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, setakat ini seramai 60 individu yang terlibat dalam sektor itu di Terengganu direkodkan positif Covid-19.

“Kerajaan negeri memandang serius isu penularan Covid-19 dalam kalangan warga tani kerana majoriti rakyat negeri ini terlibat dalam sektor ini dan semuanya bergantung nasib daripada hasil



AZMAN

pertanian untuk menyara hidup.

“Apabila disahkan positif Covid-19, mereka perlu dirawat dan dikuarantin. Keadaan ini menjejaskan pendapatan golongan ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Azman berkata, sumbangan itu diharapkan memberi suntikan semangat kepada kumpulan warga tani.

“Bantuan ini akan disalurkan dalam tempoh terdekat dan jabatan berkaitan kini sedang mengumpul maklumat berkaitan penerima dari setiap daerah bagi memastikan tiada seorang penerima yang tercicir,” katanya.